



UB 06.08.2012 B16

METERAI MOU: Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman menyaksikan upacara menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Sawit Kinabalu, di salah sebuah hotel terkemuka di ibu negeri, malam Sabtu.

Menandatangani MoU itu ialah Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Harun Abdullah dan Pengarah Urusan Sawit Kinabalu, Haji Othman Walat.

Turut berlangsung pada majlis itu ialah penyampaian sumbangan RM1 juta berupa replika cek kepada sekolah dan universiti-universiti di Sabah melalui pengagihan surat khabar New Straits Times dan Berita Harian serta penyampaian dividen kepada para pekebun kecil Bahagak, Lahad Datu.

Kelihatan dalam gambar, Musa (tengah) menyaksikan Harun (dua dari kiri) dan Othman (dua dari kanan) bertukar dokumen selepas MoU dimeterai.